

Kerajaan akan beri penjelasan semakan, pelaksanaan SST

BERITA HARIAN 20 JUN 2025

mls: 3

Iskandar Puteri: Kerajaan akan memberi penjelasan lebih terperinci mengenai pelaksanaan semakan dan peluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang akan bermula 1 Julai ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri mengakui berlaku kekeliruan berhubung pelaksanaan langkah itu, namun apa yang pasti inisiatif diambil kerajaan tidak akan membebankan golongan bawahan atau M40.

“Kita akan bagi penjelasan. Kadang-kadang, kenyataan umum macam itu, kata pisang akan dikenakan SST, jadi orang keliru, sebenarnya pisang import.

“Tapi saya setuju kita akan perjelaskan kerana yang penting kita tidak mahu membebankan golongan bawahan atau pun M40.

“Sebab itu, kita cadangkan macam buah-buahan import, tetapi ada yang mengatakan buah import pun ada yang dimakan oleh orang miskin, tetapi saya fikir itu boleh kita tangani, maknanya carilah kaedah, makanlah buah tempatan,” katanya.

Beliau yang juga Presiden PKR, berkata demikian ketika ditemui media selepas Seminar Pemantapan Organisasi dan Perjumpaan Bersama Presiden Keadilan di sini, semalam.

Ulas kekeliruan rakyat

Perdana Menteri mengulas mengenai kekeliruan rakyat selepas senarai barangan yang dikenakan SST dikeluarkan, baru-baru ini.

Ditanya sama ada pelaksanaan semakan SST itu dikaji semula,

Anwar menafikannya, namun tiada masalah untuk mengubah beberapa perkara yang dibangkitkan.

“Tak, tak, tak (kaji semula), kita akan bagi penjelasan, yang diperlukan, yang agak mengelirukan itu, macam orang marah, dia kena baca dulu senarai. Jadi, saya cadangkan kita baca dulu.

“Kalau perlu satu dua perkara ubah suai, tiada masalah, kita boleh ubah suai, tetapi cukai ini memang tidak mudahlah. Semua orang kalau boleh tak mahu bayar.

“Tetapi, kita nak tingkatkan sekolah, pendidikan, orang miskin, hospital,” jelasnya.

Pada 9 Jun lalu, kerajaan mengumumkan semakan bersasar kadar Cukai Jualan dan peluasan skop Cukai Perkhidmatan yang akan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025.

Kadar cukai jualan kekal tidak berubah bagi barangan keperluan manakala kadar sama ada lima atau 10 peratus akan dikenakan ke atas barangan yang tidak penting atau mengikut budi bicara.

Skop cukai perkhidmatan akan diperluaskan merangkumi enam perkhidmatan baharu seperti penyewaan atau pajakan, pembinaan, kewangan, penjagaan kesihatan swasta, pendidikan dan kecantikan.

Sebelum ini, Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd, Datuk Ameer Ali Mydin menyifatkan keputusan melaksanakan SST ke atas buah-buahan import sebagai tidak rasional kerana ia turut memberi kesan kepada pengguna berpendapatan rendah.